



## "JIRAN KITA SAUDARA KAITA".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجُنُبِ وَالْوَدَانَ السَّيْبِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ۝ ٣٦<sup>1</sup></p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Pada hari Jumaat yang mulia ini, saya ingin berpesan kepada diri saya dan sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian, marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT memberkati kehidupan kita ini dengan nikmat, taufik dan hidayah yang berpanjangan serta beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Pada hari ini, khatib ingin mengajak hadirin Jumaat sekalian supaya menghayati khutbah yang bertajuk "<b>JIRAN KITA SAUDARA KITA</b>".</p> <p><b>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	6

<sup>1</sup> Al-Nisa' : 36.



<p>Perkara utama yang perlu diambil berat dalam kehidupan bermasyarakat adalah berbuat baik kepada jiran tetangga. Jiran ialah orang yang tinggal dalam lingkungan 40 buah rumah dari rumah kita.</p>	7
<p>Suatu ketika, seorang lelaki datang menemui Rasulullah SAW untuk mengadu tentang jirannya. Lalu baginda menyuruh lelaki itu membuat pengumuman di masjid dengan berkata: Ketahuilah bahawa 40 buah rumah itu adalah jiranmu. (Riwayat Abu Daud dan At-Tabrani).</p>	8
<p>Berdasarkan ayat 36, surah al-Nisa seperti yang dibaca pada permulaan khutbah tadi, jiran terdiri daripada jiran dekat dan jiran jauh. Jiran yang dekat ialah jiran yang mempunyai pertalian kekeluargaan manakala jiran yang jauh pula bermaksud jiran yang tidak memiliki pertalian kekeluargaan.</p> <p><b>Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,</b></p>	9
<p>Sesungguhnya Allah SWT mengasihi hamba-Nya yang menjalinkan hubungan yang baik sesama jiran tetangga. Hadis daripada Muaz bin Jabal Radhiallahu Anhu bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>خَمْسٌ مَنْ فَعَلَ وَاحِدَةً مِنْهُنَّ كَانَ ضَامِنًا عَلَى اللَّهِ: مَنْ عَادَ مَرِيضًا أَوْ خَرَجَ غَازِيًا أَوْ دَخَلَ عَلَى إِمَامِهِ يُرِيدُ تَعْزِيرَهُ وَتَوْقِيرَهُ أَوْ قَعَدَ فِي بَيْتِهِ فَسَلِمَ النَّاسُ مِنْهُ وَسَلِمَ مِنَ النَّاسِ</p>	10



<p><i>“Lima perkara sesiapa yang melakukan salah satunya, Allah akan memberinya jaminan. Iaitu seseorang yang mengunjungi orang sakit, atau seseorang yang keluar untuk berperang pada jalan Allah, atau seseorang yang datang kepada pemimpin untuk meneguhkan dan memuliakannya atau orang yang duduk di rumahnya agar orang lain selamat daripada gangguan lantas dia juga terselamat daripada diganggu oleh orang lain.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Ahmad)</i></p> <p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	11
<p>Untuk mendapat jiran yang baik, kita hendaklah mendidik diri kita menjadi jiran yang baik terlebih dahulu. Begitulah sebaliknya.</p>	12
<p>Mengapa kita perlu bersikap baik kepada jiran? Kerana jiranlah menjadi orang pertama yang membantu jika kita berada dalam kesusahan atau kecemasan. Sedang ahli keluarga kita tinggal jauh dan tidak dapat membantu dengan segera. Seandainya kita tidak mengenali jiran, tentulah kita akan berasa malu untuk meminta pertolongan daripada mereka. Bahkan jiran juga akan turut berasa segan untuk membantu kerana bimbang disalah anggap.</p>	13
<p>Bagaimana nak kenal jiran jika kita tidak pernah bertegur sapa? Bagaimana nak kenal jiran jika nama pun tak tahu? Bagaimana nak kenal jiran jika tidak terserempak di masjid dan surau? Bagaimana nak kenal jiran kalau tidak berziarah pada hari raya?</p> <p><b>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	14



<p>Kepentingan jiran dalam hidup bermasyarakat ada disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan daripada Aisyah Radhiallahu Anha bahawa Nabi SAW pernah bersabda:</p> <p style="text-align: center;"><b>مَا زَالَ جِبْرِيلُ يُوصِيَنِي بِالْجَارِ ، حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ يُورَثُهُ</b></p> <p><i>"Jibril menganjurkan aku bersikap baik terhadap jiran tetangga sedemikian rupa sehingga aku berfikir dia menyuruh aku menjadikan mereka sebagai ahli warisku."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	15
<p>Oleh itu, khatib menyeru kepada para jemaah yang dikasihi sekalian agar kita menjaga hak-hak berjiran sebagai tanda kita umat yang baik dan masyarakat yang harmoni.</p>	16
<p>Diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:</p> <p style="text-align: center;"><b>وَاللَّهِ لَا يُؤْمِنُ ، وَاللَّهِ لَا يُؤْمِنُ ، وَاللَّهِ لَا يُؤْمِنُ . قَالُوا : وَمَا ذَاكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ ؟</b></p> <p style="text-align: center;"><b>قَالَ : الْجَارُ لَا يُؤْمِنُ جَارُهُ بِوَأَيْقَهُ</b></p>	17
<p><i>"Demi Allah, dia tidak beriman! Demi Allah, dia tidak beriman! Demi Allah, dia tidak beriman!" Seseorang bertanya, "Siapa ya Rasulullah?" "Orang yang membuat tetangganya tidak merasa aman dari kejahatannya."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Ahmad).</i></p>	18



<p>Umat Islam dilarang sama sekali menyakiti, mengganggu atau menyebabkan jiran tetangganya berasa tidak selesa. Antara perkara yang tidak patut dilakukan adalah meletakkan kenderaan di kawasan rumah jiran tanpa keizinannya, membuat bising terutama sekali ketika jiran sedang berehat, menanam pokok dan membiarkan daun atau buahnya jatuh ke dalam tanah jiran tanpa keizinannya dan memelihara haiwan dan membiarkannya mengotorkan rumah jiran.</p>	19
<p>Perkara tersebut kelihatan seperti remeh tetapi menusuk di hati dan perasaan. Adakalanya mereka tidak tahu cara untuk menegur kesalahan tersebut. Ada juga yang tidak mahu menegur kerana tidak mahu hubungan terjejas.</p>	20
<p>Oleh sebab itu, sebagai umat Islam yang baik, kita hendaklah tidak menjadi penyebab jiran berasa tidak selesa atau tersinggung oleh perbuatan yang dianggap mudah atau kecil.</p> <p><b>Muslimin sidang Jumaat sekalian,</b></p>	21
<p>Kita hendaklah menunjukkan teladan terpuji kepada ahli keluarga kita dengan menjalin silaturahim yang baik terhadap jiran kerana jiran kita adalah saudara kita. Sentiasalah berpesan kepada ahli keluarga agar mengutamakan keharmonian hidup berjiran dan menjaga hubungan baik dengan mereka. Ini kerana berbuat baik kepada jiran adalah bukti dan tanda keimanan kepada Allah SWT dan hari akhirat.</p>	22
<p>Hadis daripada Abu Syuraih Radhiallhu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda;</p> <p style="text-align: center;"><b>مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ جَارَهُ</b></p> <p>“Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia memuliakan jirannya.”</p> <p style="text-align: right;">(Riwayat al-Bukhari).</p>	23



<p>Walaupun pada hari ini kehidupan manusia disibukkan oleh kerjaya dan urusan dunia, janganlah kita sama sekali meminggirkan pahala yang boleh dikumpul melalui hubungan silaturrahim dengan jiran seperti memberi salam apabila bertemu, menziarahinya ketika sakit, mengucapkan tahniah jika jiran mendapat kejayaan, melahirkan simpati jika dia dilanda musibah. Dan Membantu jiran ketika susah.</p> <p><b>Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,</b></p>	24
<p>Dalam hidup berjiran kita tidak terlepas dari melakukan kesalahan dan kesilapan. Seandainya pernah menyakiti jiran sebelum ini, berdamailah dan binalah ukhuwah baharu. Meminta maaf merupakan usaha yang baik dan amat terpuji di sisi Allah SWT.</p>	25
<p>Jika ada jiran yang datang untuk mengakui kesilapannya, terimalah dan maafkanlah dengan hati yang terbuka. Bahkan inilah jalan terbaik untuk menjernihkan keadaan. Sesungguhnya Allah SWT sangat mengasihi orang yang pemaaf.</p> <p><b>Hadirin Jumaat sekalian,</b></p>	26
<p>Mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman dan panduan dalam hidup kita:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa Allah SWT menjanjikan pelbagai ganjaran dan kelebihan di dunia dan akhirat kepada hamba-hamba-Nya yang menjaga hubungan baik dengan jiran tetangga.</li><li>2. Umat Islam wajib menunaikan hak-hak berjiran agar komuniti kita selamat dan sejahtera.</li><li>3. Umat Islam dilarang menyakiti jiran tetangga kerana perbuatan itu sangat dilarang oleh agama.</li></ol>	27



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ۝</p>	28
<p><i>"Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."</i></p> <p>(al-Hujurat : 10).</p>	29
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	30
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	31



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
8	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفِظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،
9	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
10	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَغُور، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج





<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	11
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	12
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Ahmadiyah atau Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah dan Ajaran Ilmu Shahadah Zikir Nafas oleh Ismail Kassim.</p>	13
<p>Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	14
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	15
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	16
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾</p>	17
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ ۖ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	18